

# RORO

GARIS PANDUAN  
TONG ROLL ON ROLL OFF



*UNIT ONE STOP CENTRE/ALAM MOTIVASI  
MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN*

## ISI KANDUNGAN

<b>Perkara</b>	<b>Muka surat</b>
<b>1. TUJUAN</b>	<b>1</b>
<b>2. OBJEKTIF</b>	<b>1</b>
<b>3. SKOP GARIS PANDUAN</b>	<b>1</b>
<b>4. DASAR DAN PERUNDANGAN</b>	<b>1</b>
<b>5. DEFINISI TONG RORO</b>	<b>2</b>
<b>6. GARIS PANDUAN PERLETAKAN TONG RORO</b>	<b>2</b>
<b>7. GARIS PANDUAN UMUM DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PEMBUANGAN SISA BINAAN MENGGUNAKAN TONG RORO</b>	<b>2 - 4</b>
<b>8. KADAR CAJ TONG RORO</b>	<b>4</b>
<b>9. KADAR DEPOSIR (BAYARAN PENDAHULUAN) MELETAKKAN BAHAN-BAHAN BINAAN BAGI SEMUA PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN TAMBAHAN/ UBAHSUAI BANGUNAN</b>	<b>5</b>

## **1. TUJUAN**

Garis Panduan Perkhidmatan Pembuangan Sisa Binaan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sandakan ini disediakan bagi memudahkan pemilik bangunan atau rumah mendapatkan perkhidmatan tersebut dengan lebih mudah dan teratur. Perkhidmatan ini perlu dipatuhi oleh mana-mana pemilik bangunan atau rumah yang ingin melakukan kerja-kerja penambahan atau pengubahsuaian bangunan di Sandakan dan mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2011.

Kelulusan pelan penambahan atau pengubahsuaian bangunan perlulah diperolehi terlebih dahulu sebelum perkhidmatan ini dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik oleh pihak Majlis Perbandaran Sandakan.

## **2. OBJEKTIF**

- i. Memastikan pemohon atau pemilik bangunan atau rumah yang ingin membuat kerja-kerja penambahan atau pengubahsuaian mendapat maklumat lengkap mengenai prosedur perkhidmatan tersebut yang dilaksanakan di Sandakan.
- ii. Memastikan pemohon atau pemilik bangunan atau rumah mengikut prosedur, peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Majlis Perbandaran Sandakan.
- iii. Memastikan bidang tugas pemantauan kerja-kerja pengubahsuaian atau penambahan bangunan dijalankan oleh bahagian yang berkenaan.

## **3. SKOP GARIS PANDUAN**

Skop garis panduan ini hanya melibatkan kerja-kerja penambahan dan pengubahsuaian bangunan yang dijalankan oleh pemilik rumah atau bangunan di Sandakan.

## **4. DASAR DAN PERUNDANGAN**

Undang-Undang kecil Anti-Sampah (Seragam) Majlis Perbandaran Sandakan 2010.

## 5. DEFINISI TONG ROLL-ON ROLL-OFF (RORO)

Tong RORO adalah sejenis tong yang disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran Sandakan untuk tujuan pengumpulan semua sisa bahan binaan atau buangan sebelum ia dihantar ke Pusat Pembuangan Sampah.

Terdapat 2 jenis Tong RORO yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Sandakan. Ukuran tong RORO adalah seperti yang berikut:-

<b>RORO</b>	<b>UKURAN SAIZ</b>
3 Tan	9' panjang x 6' lebar x 2 <sup>1/2</sup> tinggi dan ditutup menggunakan kanvas
7 Tan	18' panjang x 8' lebar 2 <sup>1/2</sup> tinggi dan ditutup menggunakan kanvas

Jadual 1

## 6. GARIS PANDUAN PERLETAKAN TONG RORO

- i. Pemohon hendaklah mengemukakan pelan tapak yang menunjukkan lokasi penempatan tong RORO.
- ii. Pemohon hendaklah memastikan bahawa tong tersebut diletakkan di kawasan yang sesuai dengan tidak menjejaskan tanaman landskap yang ditanam dan diselenggarakan oleh pihak Majlis Perbandaran Sandakan.
- iii. Tong RORO tidak boleh diletakkan bertentangan dengan premis meskipun di hadapan lot merupakan tapak rizab kemudahan awam seperti padang rekreasi, sekolah, tangki air, pencawang elektrik, pili bomba dan sebagainya.
- iv. Perletakan Tong RORO tidak boleh menyebabkan timbul kacau ganggu kepada jiran bersebelahan dan tidak menghalang lalu lintas.

## 7. GARIS PANDUAN UMUM DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PEMBUANGAN SISA BINAAN MENGGUNAKAN TONG ROLL ON ROLL OFF (RORO)

- i. Pemohon (Pemilik bangunan/rumah) hendaklah mengemukakan pelan penambahan atau pengubahsuaian bangunan serta melengkapkan borang-borang yang diperlukan seperti yang berikut:-
  - a. Senarai Semak Pengemukaan Permohonan Pelan Penyambungan & Pengubahsuaian Bangunan (*MPS-OSC/SS-04*)
  - b. Permohonan Untuk Penyerahan Pelan Penyambungan & Pengubahsuaian Bangunan (*MPS-OSC/PB-02*)

- c. Borang Permohonan Bagi Perkhidmatan Pembuangan Sisa/Bahan Binaan (Tong RORO) (*MPS-OSC/RORO/01*). Pemohon juga harus mengepilkkan bersama pelan lokasi untuk memaklumkan kedudukan tong tersebut.
- d. *Declaration Accompanying (MPS/BBK/DC/01)*
- e. Borang Permohonan Menggunakan Petak Letak Kereta Untuk Meletak Sisa Binaan (*Borang ULK 5*)
- ii. Pembayaran bagi mendapatkan perkhidmatan tersebut seperti berikut:
- a. **Deposit Penyambungan/Pengubahsuaian Bangunan sebanyak RM3,000.** Deposit ini akan dikembalikan kepada pemohon selepas semua syarat dan keperluan dipatuhi iaitu selepas memperolehi Sijil Kebenaran Pendiaman (OC) daripada pihak Majlis Perbandaran Sandakan.
- b. **Denda terhadap kerja-kerja penyambungan/pengubahsuaian bangunan (sekiranya kerja-kerja telah dijalankan sebelum kelulusan pelan penyambungan.pengubahsuaian bangunan diberikan) sebanyak:-**
- RM 1,000 untuk rumah;
  - RM 3,000 untuk bangunan komersial/ industri/gudang dan lain-lain;
  - RM 500 untuk penyambungan Rumah Kediaman di Taman Nuri dan Taman Kenari.
- c. **Caj Permit perletakan Tong RORO** sebanyak RM 180. Caj ini akan dikenakan sekali sahaja kepada pemohon.
- d. **Caj Tong RORO** dikenakan mengikut saiz tong yang dipohon.
- e. **Deposit Penggunaan Tong RORO** mengikut kerja-kerja pengubahsuaian.
- f. **Caj Petak Letak Kereta** sebanyak RM 10 bagi setiap petak sehari.
- iii. Deposit atau wang cagaran dan semua perkhidmatan yang berkaitan tidak boleh dipindah ke premis lain walaupun di atas nama pemilik/pemohon yang sama.
- iv. Pemohon hendaklah memaklumkan kepada kontraktor yang dilantik untuk perkhidmatan menghantar, menarik atau menggantikan tong sisa binaan dalam tempoh 7 hari bekerja sebelum perkhidmatan diperlukan. Pihak kontraktor akan menghantar tong RORO ke premis atau rumah pemohon dalam tempoh 7 hari bekerja selepas surat makluman kelulusan pelan diterima daripada pihak Majlis Perbandaran Sandakan.
- v. Tempoh meletakkan tong RORO di premis pengubahsuaian adalah selama 14 hari. Pelanggan akan dikenakan bayaran sewa selepas tempoh tamat iaitu pada hari ke-15 mengikut saiz tong berkenaan.

- vi. Pemohon hendaklah menambah wang pendahuluan apabila perkhidmatan yang dihantar hampir mencecah kadar maksimum jumlah wang terdahulu agar perkhidmatan berjalan lancar di lokasi.
- vii. Sekiranya pemohon tidak menggunakan perkhidmatan pengurusan sisa binaan oleh Majlis Perbandaran Sandakan, wang sebanyak RM 270 akan tetap ditolak daripada bayaran wang pendahuluan sebagai yuran pentadbiran.
- viii. Pemohon bertanggungjawab menajaga tong yang dibekalkan daripada sebarang kerosakan semasa sewaan tong berkenaan, pemohon diminta untuk bertanggungjawab atas pembiayaan kos pembaikan tong tersebut.

## **8. KADAR CAJ TONG ROLL ON ROLL OFF (RORO)**

- i. Caj yuran pentadbiran akan dikenakan sebanyak RM270 jika tidak menggunakan perkhidmatan menyewa tong RORO. Caj ini termasuk caj sewa tong selama 14 hari.
- ii. RORO 3 tan
  - a. RM 270 sekali tarik;
  - b. RM 250 sekali tarik (lebih dari sekali tarik);
  - c. Mula dari hari ke-15, sewa tong RORO akan dikenakan iaitu sebanyak RM7 sehari.
- iii. RORO 7 tan
  - a. RM 420 sekali tarik;
  - b. Mula hari ke-15 sewa tong RORO akan dikenakan RM15 sehari

**9. KADAR DEPOSIT (BAYARAN PENDAHULUAN) MELETAKKAN BAHAN-BAHAN BINAAN BAGI SEMUA PERMOHONAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN TAMBAHAN/UBAHSUAI BANGUNAN**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Bayaran (RM)</b>
1	Rumah Teres <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melibatkan 1 tingkat</li> <li>• Melibatkan 2 tingkat</li> </ul>	500.00 1,000.00
2	Rumah Berkembar	1,500.00
3	Rumah Sesebuah Baru/Meroboh dan Membina Semula	2,000.00
4	Kedai	1,500.00
5	Kilang Teres	2,500.00
6	Kilang Berkembar	3,000.00
7	Kilang Sesebuah	3,500.00
8	Pam Minyak	4,000.00
9	Kompleks Perniagaan dan Perdagangan (Kompleks Membeli-belah, Kompleks Pejabat, Hotel dan seumpamanya)	5,000.00
10	Kemudahan Awam (Gerai, Hospital, Bangunan Ibadat, Kompleks Sukan, Dewan dan seumpamanya)	5,000.00
11	Institusi (Sekolah, Kolej, Tadika, Pusat Latihan dan seumpamanya)	5,000.00

Jadual 2

- Baki wang deposit akan dikembalikan selepas kerja-kerja pembersihan telah selesai dan ia hendaklah dituntut terus kepada kontraktor yang telah dilantik oleh pihak Majlis Perbandaran Sandakan.
- Baki wang cagaran yang tidak dituntut selepas 18 bulan tidak akan dipulangkan.